

# Semarak industri pelancongan

## ■ Karnival 3 hari di Bukit Jalil tawar 2,000 cabutan bertuah

Oleh Mohd Fady Samsudin  
fady@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

Lebih 2,000 cabutan bertuah menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM450,000 menanti pengunjung karnival pelancongan di Stadium Bukit Jalil yang bermula hari ini.

Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen berkata, antara hadiah utama menanti orang ramai sepanjang tiga hari karnival berkenaan termasuk sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) Chevrolet Orlando bernilai RM118,888 tajaan Naza.

Beliau berkata, hadiah lain termasuk 100 tiket penerbangan ke Langkawi, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak bernilai RM100,000.

“Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dijangka hadir melancarkan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 dan akan membuat cabutan hadiah utama,” kata-

nya ketika merasmikan produk pelancongan terbaru ‘Mother Nature Tour Trail’ di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini, semalam.

Produk ‘Mother Nature Tour Trail’ ditawarkan di beberapa lokasi di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM Prof Dr Mohd Saleh Jaafar.

Dr Ng berkata, pihaknya menjangkakan seramai 40,000 pengunjung hadir memerahkan karnival berkenaan

yang turut menawarkan hadiah wang tunai RM13,000 membabitkan beberapa pertandingan di samping hamper.

Sementara itu, ketika me-



**FAKTA**  
Antara hadiah utama termasuk Chevrolet Orlando bernilai RM118,888 tajaan Naza

**DR Ng (dua dari kanan) dan Mohd Saleh (dua dari kiri) ketika merasmikan Pakej Pelancongan UPM sempena Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 di Stadium Bukit Jalil, semalam.**

ngulas berhubung produk pelancongan di UPM, beliau berkata, universiti itu memiliki pelbagai khazanah alam semula jadi yang masih terpelihara untuk dibangunkan.

Menurutnya, UPM mampu menjadi tarikan bukan saja pelancong domestik, tetapi

pengunjung antarabangsa dengan 13 pakej ditawarkan tiga agensi pelancongan tempatan bermula dari harga serendah RM88.

“Tarikan terbaru itu adalah usahasama antara UPM bersama Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia mampu membawa pelancong warga kota meneroka

tarikan alam semula jadi yang terdapat di sini,” katanya.

Dr Ng berkata, pelajar UPM yang bakal menjadi pemandu pelancong untuk pakej itu perlu bijak dan pandai berkomunikasi serta berpengetahuan luas mengenai alam semulajadi dan warisan negara ini, sekali gus menja-

nyakan kempen berkenaan.

“Mereka perlu merebut peluang itu untuk mengembangkan kerjaya dalam bidang pelancongan. Sekarang, UPM sudah ada produk pelancongan terbaik dan mereka mempunyai ramai pelajar yang boleh menjadi pemandu pelancong,” katanya.